

539:
MAHATHIR

1976

KUALA TRENGGANU, 5 JUN (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TELAH MERANCANG SATU PENDEKATAN BARU DALAM MELAKSANAKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

INI IALAH UNTUK MENJAMIN SUPAYA RANCANGAN-RANCANGAN ITU BENAR-BENAR DAPAT DINIKMATI OLEH RAKYAT, TAMBAH BELIAU.

KATANYA, DALAM BIDANG PERUMAHAN UNTUK RAKYAT MISKIN, MISALNYA, TUMPUN AKAH DIBERIKAN KEPADA PENYEDIAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS SEPERTI PENYEDIAAN TAPAK-TAPAK RUMAH.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN NEGERI TRENGGANU, DI BILIKGERAKAN DI SINI HARI INI.

KATANYA, KERAJAAN PUSAT AKAN MEMBERI PERUNTUKAN KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENYEDIAKAN TAPAK-TAPAK RUMAH BAGI DIJUALKAN KEPADA RAKYAT MISKIN DAN TERSERAHLAH KEPADA MEREKA UNTUK MEMBINA RUMAH SENDIRI APABILA MAMPU.—BERSAMBUNG 1443/1B

540:
MAHATHIR 2 KUALA TRENGGANU

DR. MAHATHIR BERKATA MASAALAH YANG SELALU DIHADAPI APABILA KERAJAAN MENGADAKAN SESUATU RANCANGAN PERUMAHAN MURAH IALAH HARGA TANAH YANG MAHAL.

INI MENYEBABKAN HARGA RUMAH TERSEBUT TINGGI DAN TIDAK MAMPU DIBELI OLEH RAKYAT KISKIN YANG MENJADI TUJUAN SEBENAR RANCANGAN ITU, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, BELIAU BERKATA TUMPUN AKAH DIBERIKAN KEPADA NEGERI-NEGERI KURAG MAJU DENGAN PERUNTUKAN YANG LEBIH BANYAK DARI YANG BIASA DIBUAT DI MASA-MASA LALU.

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PUSAT AKAN MENENTUKAN SUPAYA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS DAN KAKITANGAN AKAN DITAMBAH DI NEGERI-NEGERI TERSEBUT.

BAGI NEGERI TRENGGANU, BELIAU BERKATA KERAJAAN PUSAT AKAN MENGHANTAR PEGAWAI-PEGAWAI SUPAYA PERUNTUKAN YANG DIBERIKAN ITU DAPAT DIBELANJAKAN DENGAN LEBIH BERKESAN.

DR. MAHATHIR JUGA MENEKAKAN PENTINGNYA PERUBAHAN SIKAP DAN PEMIKIRAN DI KALANGAN RAKYAT YANG TERLIBAT DALAM SESUATU RANCANGAN.—BERSAMBUNG 1447/1B

542:
MAHATHIR 3 KUALA TRENGGANU

KATANYA, KERAJAAN BOLEH MENGADAKAN SISTEM DAN DASAR TERTENTU TETAPI JIKA RAKYAT SENDIRI TIDAK BERUBAH SIKAP IA TIDAK AKAN MENDATANGKAN KESAN SEPENUHNYA.

DALAM LAPANGAN PERIKANAN, MISALNYA, PARA NELAYAN DAN ANAK-ANAK MEREKA MESTILAH DIBERI PANDANGAN BAHAWA LAPANGAN TERSEBUT BOLEH DIMAJUKAN SEBAGAI SATU LAPANGAN PERUSAHAAN ATAU PERNIAGAAN.

DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN MENJALANKAN TUGAS MEREKA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA DAN JANGANLAH CUBA MENYALAHKAN ORANG-ORANG LAIN.

BELIAU BERKATA SESIAPA YANG GAGAL, MEREKA HENDAKLAH MENGUNDURKAN DIRI DAN MEMBERIKAN TEMPATNYA KEPADA ORANG LAIN YANG LEBIH LAYAK.—BERNAMA 1503/1B

242

586:

MAHATHIR 4 KUALA TRENGGANU (SAMBUNG BERITA BIL 542)

PETANG INI, DR. MAHATHIR TELAH MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL, KUALA TRENGGANU, DEKAT SINI YANG BERTERANGAN KIRA-KIRA \$2 JUTA.

DALAM UCAPANNYA, BELIAU BERKATA DALAM RANCANGAN MALAYSIA, KETIGA KERAJAAN AKAN MENAMBAHKAN LAGI BILANGAN SEKOLAH- SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

INI IALAH KERANA NEGARA MEMERLUKAN TENAGA-TENAGA MAHIR DI BIDANG TEKNIK, PERDAGANGAN DAN PERTANIAN UNTUK MENJAYAKAN USAHA-USAHA PEMBANGUNAN, TAMBAH BELIAU.

PADA MASA INI TERDAPAT 21 BUAH SEKOLAH SEPERTI ITU.

BELIAU BERKATA SEHINGGA INI, SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT TELAH BANYAK MEMBUAT KEMAJUAN DAN SUMBANGAN KE ARAH MENGADAKAN TENAGA MAHIR DI PERINGKAT RENDAH YANG LEBIH BANYAK KHUSUSNYA UNTUK MURID-MURID DARI LUARBANDAR.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU PIHAK SWASTA MENERIMA MURID-MURID LULUSAN SEKOLAH VOKESYENAL SUPAYA USAHA-USAHA KERAJAAN ITU TIDAK SIA-ASIA SAHAJA. -- BERNAMA 1800/1B